

20 AUG 1998

Muhyiddin-Raptai

PERDANA MENTERI BERPUAS HATI DENGAN RAPTAI SUKAN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan persembahan raptai perasmian Sukan Komanwel Ke-16 di Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil malam ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri memberi beberapa cadangan untuk memperbaiki mutu persembahan iaitu dari segi rentak dan gerak tari para penari persembahan kebudayaan, katanya.

"Bentuk persembahan perlu diperbaiki iaitu dari segi corak, lambai tangan dan sebagainya. Ini akan diperbaiki dalam masa dua hingga tiga minggu ini," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan raptai perasmian Sukan Komanwel ke-16 di sini.

Muhyiddin berkata raptai malam ini hanya mempamerkan 60 peratus daripada persembahan keseluruhan.

Beberapa aspek seperti elemen pencahayaan dan bunyi belum dimasukkan ke dalam raptai hari ini, tambahnya.

Muhyiddin berkata raptai penuh akan diadakan pada 9 Sept dan ia akan disaksikan oleh Dr Mahathir.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali berkata masih ada beberapa perkara yang perlu dikemaskan dalam raptai malam ini.

"Yang penting ialah para peserta raptai sendiri mempunyai semangat dedikasi yang tinggi," katanya.

-- BERNAMA

HAK FAZ